

**Najib Rakam Penghargaan Kepada Pasukan Keselamatan Negara
Bernama
Julai 31, 2014
Daripada Mohd Razman Abdullah**

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari Khamis merakamkan penghargaan terhadap bakti dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan bersempena sambutan Hari Pahlawan.

Dalam catatan terbaharu di laman sosial Facebooknya, Najib turut mengepilkan sekeping gambarnya bersama pasukan keselamatan ketika perbarisan.

"Gambar #throwback ini tidak cukup untuk merakamkan kesyukuran ke atas bakti dan pengorbanan pahlawan-pahlawan kita selama ini," katanya.

Hari Pahlawan disambut negara setiap 31 Julai.

Bagaimanapun, sambutannya di peringkat kebangsaan diadakan pada 18 Julai lepas, dan pada tarikh-tarikh berlainan sepanjang Julai di peringkat negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057143>